

85,134 tan sisa banjir dari 6 negeri

Telah dibersihkan setakat Sabtu babitkan negeri Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor dan Johor

MUAR

Sebanyak 85,134 tan sisa banjir telah dibersihkan di enam negeri yang terjejas bencana itu, setakat Sabtu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib berkata, kerja-kerja pembersihan membabitkan negeri Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah mencapai 98 peratus, manakala Johor mencapai tahap 90 peratus.

Beliau berkata, setakat Sabtu, sebanyak 438 tan sisa banjir dibersihkan melibatkan 112 jentera dan 354 pekerja di bawah seliaan SWCorp (SWM Environment Sdn Bhd, Alam Flora Sdn Bhd dan E-Idaman).

"Sebanyak 48,589 tan sisa banjir dibersihkan di Selangor; 34,100 tan di Pahang; 1,400 tan di Negeri Sembilan; 630 tan di Kuala Lumpur dan 139 tan di Melaka.



Ismail (kanan) mengendalikan jengkaut ketika membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir di Kampung Baru Lenga, Muar pada Ahad.

"Di Johor pula, sebanyak 275.63 tan sisa banjir dibersihkan sehingga Sabtu," kata beliau kepada pemberita ketika Operasi Mega Pembersihan Pascabanjir di Johor di Kampung Baru Lenga dekat sini pada Ahad.

Menurut Ismail, ketika pasca banjir, kementeriaannya telah membelanjakan sebanyak RM117.5 juta untuk pelbagai program pemulihan.

Antaranya ialah pemulihan fasiliti awam melibatkan kos sebanyak RM50 juta serta Inisiatif Rumah Kasih Keluarga Malaysia sebanyak RM50 juta bagi baik pulih rumah rosak dan bina rumah baharu.

Selain itu katanya, bagi kerja

kerja pembersihan sisa banjir membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) pula, sebanyak RM12.5 juta diperuntukkan dan RM5 juta lagi adalah untuk Bantuan Bakul Bencana.

"Pihak Kementerian juga akan mengumpul dan mengemaskinikan data, memandangkan ada beberapa lagi pusat pemindahan sementara (PPS) masih dibuka dan menjangka akan menambah jumlah peruntukan untuk program pemulihan pasca banjir ini.

"Proses mengumpul dan mendapatkan data terkini ini juga akan melibatkan pelbagai pihak seperti pejabat daerah, PBT dan Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya.

- Bernama